

## **Versi Bahasa Melayu**

### ***Re: Data Peribadi – Notis dan Persetujuan***

Notis ini disediakan oleh Kumpulan RAM (RAM Holdings Berhad dan anak syarikat) selaras dengan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 dan sebarang pindaan terhadapnya (PDPA 2010). Ia menerangkan bagaimana Kumpulan RAM memproses Data Peribadi anda dan hak yang tersedia kepada anda berkaitan dengan Data Peribadi anda, di bawah PDPA 2010.

### ***Pengumpulan Data Peribadi***

Kumpulan RAM mengumpul Data Peribadi anda melalui saluran berikut:

1. diberikan oleh anda atau wakil yang diberi kuasa oleh anda melalui interaksi anda dengan kami;
2. melalui agensi pelaporan kredit dan sumber tersedia secara umum;
3. melalui sumber lain di mana anda telah memberi persetujuan untuk maklumat berkenaan dengan anda didedahkan;
4. dikumpul semasa lawatan anda ke laman web kami yang termasuk IP computer anda atau daripada sebarang maklumat yang dikumpulkan melalui kuki ("cookie") di sesetengah laman web kami;
5. melalui entiti lain dalam kumpulan syarikat kami; dan/atau
6. melalui kehadiran anda di acara anjuran Kumpulan RAM di mana kami mungkin membuat rakaman gambar, video serta rakaman lain yang melibatkan anda.

Kami mungkin akan mengumpul maklumat seperti, nama, butiran hubungan, alamat e-mel, nama pengguna dan kata laluan, maklumat latar belakang pendidikan (institusi pendidikan yang dihadiri), kemahiran teknikal, rujukan, sejarah pekerjaan, gambar dan imej visual atau rakaman anda yang lain, nombor akaun bank, nombor PERKESO dan KWSP, nombor Kad Pengenalan dan Pasport, lesen memandu dan tandatangan specimen. Kami mungkin mengumpul Data Peribadi sensitif yang berkaitan dengan kaum, agama dan rekod biometrik seperti yang ditakrifkan di bawah seksyen 4 PDPA 2010, yang berkaitan dengan urusan pekerjaan, pelantikan, perkhidmatan, langganan atau penyertaan anda dalam acara-acara anjuran Kumpulan RAM atau pengaturan kontraktual yang dikemukakan atau diberikan oleh anda kepada kami dari semasa ke semasa.

### ***Persetujuan untuk Pengumpulan dan Pemprosesan Data Peribadi***

Selaras dengan notis ini, kami dianggap telah menerima persetujuan anda untuk mengumpul dan memproses Data Peribadi anda apabila anda secara sedar memberikan data-data tersebut kepada kami, semasa anda menggunakan laman web kami, mengemukakan permohonan, atau berhubung dengan penyediaan perkhidmatan atau produk.

Di acara-acara anjuran oleh RAM, adalah menjadi kebiasaan kepada kami untuk merakam gambar dan video (termasuk suara), yang mungkin diterbitkan atau disiarkan di laman web, media sosial dan penerbitan lain. Kehadiran dan penyertaan anda dalam acara-acara tersebut akan dianggap sebagai persetujuan untuk dirakam dalam bentuk gambar, video atau audio serta untuk pemprosesan Data Peribadi anda dalam bentuk gambar dan video yang mungkin akan diterbitkan.

Sekiranya anda menarik balik persetujuan anda untuk Kumpulan RAM mengumpul dan memproses Data Peribadi anda, hubungan antara kita mungkin perlu dihentikan.

### **Penggunaan Data Peribadi**

Data Peribadi anda akan diproses oleh kami untuk tujuan-tujuan seperti berikut:

<b>Kategori Subjek Data</b>	<b>Tujuan-tujuan</b>
<i>Klien (termasuk klien berpotensi)</i>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Penyediaan produk dan/atau perkhidmatan oleh Kumpulan;</li> <li>ii. Jualan silang, pemasaran, promosi dan acara (“Kandungan Promosi”).</li> </ul>
<i>Pekerja; Pengarah; Kontraktor; Penyedia Perkhidmatan; dan Pelantikan/Penglibatan lain</i>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Untuk tujuan pekerjaan/pelantikan/anda menyediakan perkhidmatan kepada kami;</li> <li>ii. Menilai kesesuaian anda untuk perniagaan/pelantikan;</li> <li>iii. Mengesahkan maklumat anda dan menjalankan semakan rujukan.</li> </ul>
<i>Penghadir Acara</i>	Penstriman langsung acara di laman web serta platform media sosial dan platform dalam talian yang lain
<i>Pelawat Laman Web; Pengguna yang Dibenarkan</i>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Penggunaan kuki untuk menyimpan pilihan anda terhadap jenis maklumat atau produk tertentu, melakukan analisis lanjut bagi tujuan penyediaan produk dan perkhidmatan kepada anda, mempertingkatkan produk kami dan/atau memperibadikan perkhidmatan kami kepada anda;</li> <li>ii. Tujuan lain seperti yang dinyatakan dalam Terma Penggunaan laman web Kumpulan RAM.</li> </ul>
<i>Tujuan-tujuan lain:</i>	
<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Memberi dan memantau akses kepada kemudahan dan sistem Kumpulan RAM;</li> <li>ii. Siasatan dalaman, pematuhan, audit atau tujuan keselamatan termasuk, tanpa had, pengesanan, pencegahan dan pendakwaan jenayah;</li> <li>iii. Untuk tujuan lain seperti yang diperlukan oleh pengawal selia, serta undang-undang dan regulasi-regulasi.</li> </ul>	

Anda boleh memaklumkan kepada kami melalui butiran hubungan yang tersedia di bawah, jika anda tidak ingin menerima sebarang komunikasi berkaitan dengan Kandungan Promosi kami.

### **Pendedahan dan Pemindahan Rentas Sempadan Data Peribadi**

Setakat yang diperlukan, kami mungkin mendedahkan Data Peribadi anda kepada pihak luar seperti berikut (sama ada yang berada di dalam atau luar Malaysia):

1. kakitangan kami, berdasarkan keperluan untuk mengetahui;
2. anak syarikat kami, syarikat berkaitan dan ahli gabungan;

3. penyedia perkhidmatan kami, kontraktor, ejen dan penasihat professional (contohnya perunding, peguam, penyedia insurans);
4. rakan kongsi perniagaan kami, penganjur bersama acara, and penaja-penaja acara;
5. institusi kewangan dan pemproses pembayaran;
6. pihak berkuasa kerajaan dan pengawalseliaan, agensi-agensi kerajaan, mahkamah dan seperti mana dibenarkan atau dikehendaki oleh undang-undang;
7. pihak luar yang berkaitan, sekiranya berlaku penstrukturan semula, penjualan atau pengambilalihan mana-mana syarikat di bawah Kumpulan RAM;
8. mana-mana pihak luar yang kepadanya kami diwajibkan secara sah untuk mendedahkan Data Peribadi anda;
9. mana-mana pihak luar lain yang anda telah berikan persetujuan kepada kami untuk mendedahkan Data Peribadi anda; dan/atau
10. untuk tujuan-tujuan lain yang berkaitan dengan yang dinyatakan sebelum ini, atau yang telah anda berikan persetujuan kepada kami.

Dalam urusan perniagaan dengan rakan kongsi perniagaan kami dan penyimpanan data oleh penyedia awan luar kami, yang mungkin beroperasi di bawah bidang kuasa selain daripada Malaysia, Data Peribadi anda mungkin dipindahkan dan diproses di bawah bidang kuasa selain daripada Malaysia.

Sebagai sebahagian daripada langkah kami untuk melindungi Data Peribadi anda, kami akan mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk memastikan pihak luar ini terikat dengan obligasi kerahsiaan dan perlindungan data.

#### ***Perkongsi Data Peribadi Pihak Ketiga***

Apabila anda memberikan maklumat (termasuk Data Peribadi) pihak ketiga kepada kami, termasuk wakil anda yang bertindak bagi pihak anda sebagai entiti, saudara terdekat atau tanggungan anda, anda menjamin dan mewakili kepada kami seperti berikut:

1. Anda mendapat persetujuan mereka sebelum berkongsi maklumat mereka dengan kami;
2. Untuk mengemas kini maklumat yang diberikan kepada kami secara bertulis jika maklumat mereka berubah dengan ketara;
3. Anda memahami bahawa jika mereka menarik balik persetujuan mereka untuk kami menggunakan maklumat mereka, kami mungkin tidak dapat memproses maklumat tersebut untuk mencapai Tujuan dan mungkin (jika berkenaan) mengakibatkan penamatan interaksi anda dengan kami.

Sila pastikan juga bahawa Notis ini dibawa kepada perhatian mana-mana pihak ketiga tersebut.

#### ***Pengekalan Data Peribadi Anda***

Kami akan berusaha untuk mengekalkan Data Peribadi anda hanya selama mana perlu bagi memenuhi tujuan semasa pengumpulan Data Peribadi tersebut, kecuali pengekalan adalah dibenarkan atau dikehendaki oleh undang-undang atau peraturan yang terpakai.

### *Pindaan kepada Notis Ini*

Notis ini mungkin akan dipinda dari semasa ke semasa. Notis berkenaan sebarang pindaan akan diberi oleh Kumpulan RAM melalui laman web dan/atau medium komunikasi yang lain yang dianggap sesuai oleh Kumpulan RAM. Interaksi berterusan anda dengan kami akan dianggap sebagai persetujuan anda terhadap Notis yang telah dipinda.

Kami amat menggalakkan anda untuk menyemak Notis ini dari semasa ke semasa, untuk memastikan anda sentiasa mendapat maklumat terkini berkenaan dengan cara kami memproses dan melindungi Data Peribadi anda.

### *Hak Anda untuk Mengakses dan Membetulkan Data Peribadi*

The following are the rights made available to you under PDPA 2010:

<b>Akses</b>	Permintaan untuk mengakses kepada Data Peribadi anda yang berada dalam simpanan kami
<b>Pembetulan</b>	Permintaan untuk membetulkan mana-mana Data Peribadi anda (contohnya, untuk maklumat yang tidak tepat, tidak lengkap, atau tidak terkini)
<b>Menarik Balik Persetujuan</b>	Penarikan balik persetujuan untuk pemprosesan Data Peribadi anda (sekiranya diperlukan, tertakluk kepada pelaksanaan sekatan yang tersedia kepada kami oleh PDPA 2010, dengan pemberian notis yang munasabah)
<b>Mengehadkan Pemprosesan</b>	Permintaan untuk mengehadkan pemprosesan Data Peribadi anda

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, aduan atau ingin menggunakan hak anda seperti yang telah dinyatakan di atas, sila hubungi kami di:

**Kumpulan RAM**

(Perhatian: Jacqlyne Fow, Pegawai Perlindungan Data)

Level 8, Mercuru 2, KL Eco City

3 Jalan Bangsar

59200 Kuala Lumpur

Tel: 03-27088229

Email: [ram\\_pdpa@ram.com.my](mailto:ram_pdpa@ram.com.my)

Segala permintaan mestilah dikemukakan secara bertulis. Untuk permintaan akses, kami mungkin akan mengenakan bayaran untuk memproses permintaan tersebut, seperti yang dibenarkan oleh PDPA 2010. Kami mungkin menahan akses anda kepada Data Peribadi anda jika kami tidak dapat mengesahkan identiti anda atau sekiranya maklumat yang diminta merupakan maklumat komersial yang bersifat sulit.

**Ambil Perhatian:**

Sekiranya terdapat sebarang ketidakkonsistenan atau percanggahan antara versi Bahasa Inggeris dan versi Bahasa Malaysia Notis dan Persetujuan, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.

Kemaskini Terakhir: 18 July 2025